



GARIS PANDUAN (SOP) PENDAFTARAN KELUAR ASRAMA SESI DISEMBER 2019 (Pengambilan barang dalam asrama dan hantar kunci bilik)

Pendaftaran keluar asrama **SESI DISEMBER 2019** boleh dilakukan selepas tamat tempoh PKPB bermula **10 Jun 2020**.

SEBELUM DATANG KE POLITEKNIK TUANKU SYED SIRAJUDDIN

- Pelajar yang dari kawasan **ZON MERAH** atau mempunyai kontak rapat dengan pesakit positif COVID-19 / PUI tidak dibenarkan hadir (sila rujuk IPD yang berdekatan untuk pengesahan).
- Wajib memakai topeng muka (*face mask*).
- Pelajar digalakkan hadir bersama seorang waris sahaja (2 orang satu kereta).

TIBA DI PAGAR UTAMA POLITEKNIK TUANKU SYED SIRAJUDDIN (Pegawai Keselamatan)

- Sila nyatakan Tujuan Masuk ke **POLITEKNIK TUANKU SYED SIRAJUDDIN**. Sila tunjukkan Kad Pengenalan Pelajar / Kad Asrama / Semak Nama.
- Wajib melaksanakan saringan suhu. Sekiranya suhu pelajar melebihi 37.5°C, pelajar tidak dibenarkan masuk.

SELEPAS PEMERIKSAAN PAGAR UTAMA (Pegawai Keselamatan)

- Kenderaan dihadkan masuk sehingga kawasan *parking* asrama.
- Hanya **PELAJAR SAHAJA** dibenarkan naik ke blok asrama.
- Had masa ditetapkan adalah **+30 minit sahaja** untuk kemas barang dan serah kunci.

SEBELUM MENINGGALKAN BILIK (Penyelia Asrama/Warden)

- Penghuni hendaklah menutup suis lampu, kipas, tingkap dan mengunci pintu sebelum meninggalkan bilik.
- Serahkan kunci di pejabat asrama serta tandatangan di borang keluar masuk asrama.

SEMUA PELAJAR DAN WARIS DIMOHON AGAR SENTIASA MEMATUHI SOP SEMASA TEMPOH PKPP INI DAN MENGEMASKINI MAKLUMAT DIRI DALAM APLIKASI 'MySejahtera' SEPERTI YANG TELAH DIARAHKAN OLEH PIHAK KKM.

JADUAL DAN MASA CHECK OUT SEPERTI DI LAMPIRAN.

Sebarang pertanyaan, boleh hubungi Bilik Gerakan **POLITEKNIK TUANKU SYED SIRAJUDDIN** di talian **04-9886200**.

Sekian, harap maklum.

**Pengurus Asrama
Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin**